

TARIKH	10 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	30	RUANGAN	News



JAFPERI Othman (tengah) dan Ahmad Hapizudin Abas bersama fakir miskin pada Majlis Penyampaian Sumbangan Projek Ehsan (Ihya' Ramadan) Tabung Haji Negeri Perlis di Hotel Putra Palace, Kangar Kedah.

Tabung Haji Perlis ringankan beban 80 fakir miskin menjelang Aidilfitri

KANGAR 9 Ogos - Tabung Haji negeri hari ini memli 80 fakir miskin yang terdiri daripada ibu tunggal dan warga emas sebagai penerima sumbangan Program Ehsan (Ihya' Ramadan) di Hotel Putra Palace di sini hari ini.

Timbalan Pengarahnya, Ahmad

Hapizudin Abas berkata, program tahunan Tabung Haji ini bertujuan mengurangkan beban golongan ini dalam membuat persiapan bagi menyambut Aidilfitri.

Katanya, setiap seorang menerima wang tunai RM450 dan hamper bernilai lebih RM50.

"Tabung Haji juga akan menyampaikan bantuan ini kepada tiga lagi penerima yang kini terlantar sakit dengan mengunjungi rumah mereka tidak lama lagi," katanya ketika ditemui selepas majlis tersebut.

Majlis itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam,

Jawatankuasa Bahari, Pembangunan Sunnah, Jafperi Othman.

Dalam ucapannya, Jafperi mengingatkan penerima bantuan ini supaya menggunakan pemberian ini untuk menyediakan barang yang perlu sahaja bagi menyambut Aidilfitri.

Katanya, ini kerana bantuan berkenaan hanya banyak diterima pada bulan Ramadan sahaja berbanding dengan bulan-bulan lain.

Sehubungan itu, katanya, ada baiknya jika mengambil langkah berjimat-cermat untuk mengelak pembaziran.